

SOALAN NO. 218

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN
ABBAS [TELOK KEMANG]**

TARIKH : 7 MAC 2017 (SELASA)

SOALAN :

**Dato' Kamarul Baharin Bin Abbas [Telok Kemang] minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
menyatakan:-**

- (a) keberkesanan program Baby Hatch dalam menangani masalah pembuangan bayi; dan
- (b) bentuk program susulan terhadap para ibu yang dapat dikesan meninggalkan bayi-bayi mereka.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita telah menjalinkan kerjasama dengan Pertubuhan Kebajikan dan Pengurusan Anak-Anak Yatim Kuala Lumpur (OrphanCARE) yang menyediakan perkhidmatan perlindungan kepada bayi yang dilahirkan oleh ibu-ibu yang terdesak yang tidak menginginkan bayi mereka yang dikenali sebagai pelindung bayi atau *Baby hatch*. *Baby Hatch* yang pertama telah diwujudkan pada tahun 2009. Setakat ini terdapat sebanyak lapan (8) buah hospital dan sebuah (1) NGO telah menubuhkan *Baby Hatch*.

Program *Baby Hatch* dilihat memberi impak yang positif dalam membantu menangani kes pembuangan bayi di negara ini. Berdasarkan statistik dari tahun 2010 sehingga 2016, terdapat 35 bayi telah berjaya diselamatkan dan ditempatkan di *Baby Hatch*. Statistik juga menunjukkan peningkatan

penggunaan kemudahan *Baby Hatch* dari tahun ke tahun kerana bilangan bayi yang diselamatkan bertambah.

Selain menyediakan perkhidmatan *Baby Hatch*, OrphanCare turut menyediakan perkhidmatan khidmat nasihat dan kaunseling kepada ibu luar nikah yang hadir dan tampil sendiri untuk menyerahkan bayi mereka kepada OrphanCare. Berdasarkan statistik, terdapat seramai **216** kes yang hadir sendiri atau *walk in* ke OrphanCare sepanjang tempoh 2009 hingga 2016. Daripada jumlah tersebut, seramai **94** kes telah mengambil keputusan untuk menjaga semula anak mereka hasil daripada sesi kaunseling yang telah diberikan. Keadaan ini menunjukkan program *Baby Hatch* secara tidak langsung telah membantu memberi kesedaran kepada ibu hamil untuk bertanggungjawab menjaga sendiri anak mereka.

Program di bawah *Baby Hatch* juga telah berjaya membantu pasangan yang tidak mempunyai anak memperolehi anak pelihara. Berdasarkan statistik, seramai **156** pasangan telah berjaya memperolehi anak pelihara yang diambil melalui program ini sejak tahun 2009 sehingga 2016. Oleh itu, Program *Baby Hatch* bukan sahaja membantu menyelamatkan bayi yang dilahirkan oleh ibu-ibu yang terdesak yang tidak menginginkan bayi mereka,

tetapi juga memberi peluang kepada bayi untuk tinggal dan merasai suasana kekeluargaan kepada pasangan yang memohon untuk mendapatkan anak untuk diangkat.

Tuan Yang Dipertua,

Di bawah program *Baby Hatch*, setakat ini tiada rekod diperolehi mengenai ibu yang dapat dikesan meninggalkan bayi-bayi mereka di *Baby Hatch* tersebut. Semua bayi yang ditinggalkan juga tidak mempunyai sebarang dokumen diri.